

18/03/2005

Ikon UKM dapat peruntukan RM5j

KUALA LUMPUR: Institut Kajian Oksidental (Ikon), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerima peruntukan awal sebanyak sejuta euro (RM5 juta) untuk menjalankan penyelidikan mengenai Islam dan bangsa Eropah.

Peruntukan awal itu disumbangkan Asia Link - badan yang ditubuhkan Kesatuan Eropah (EU) untuk mengeluarkan dana bagi membantu program penyelidikan di Asia. Keseluruhannya Asia Link mempunyai dana sebanyak 250 juta euro (RM1.25 bilion) untuk program penyelidikan di Asia.

Pengarah Ikon UKM, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, yang baru pulang dari Copenhagen bagi mendapatkan peruntukan untuk penyelidikan itu, berkata peruntukan sejuta euro itu termasuk 250,000 euro (RM1.25 juta) untuk penubuhan pangkalan data mengenai bahan yang ada hubung kait antara Islam dengan Barat serta mengenai kehidupan orang Islam di Barat serta di luar Eropah.

"Laman web www.islam & west.com ini, akan dibuka awal tahun depan," katanya kepada Berita Harian.

Ikon ditubuhkan pada Oktober 2003 selepas cetusan idea bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, supaya cendekiawan tempatan mengkaji bangsa Eropah.

Prof Dr Shamsul berkata, projek penyelidikan berjudul 'Islam and The West - Constructing A Positive Engagement' akan dijalankan selama tiga tahun bermula tahun depan.

Penyelidikan itu akan dijalankan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putera Songkhla, Selatan Thailand dan Universiti Tanjung Pura, Pontianak, Kalimantan Barat serta tiga universiti dan sebuah institut di Eropah.

"Tiga universiti di Eropah itu ialah Universiti Helsinki di Finland; Universiti Lund di Sweden dan Universiti Copenhagen di Denmark, selain Nordic Institute of Asian Studies (NIAS).

"NIAS adalah rakan utama Ikon dalam menjayakan penyelidikan itu dan universiti lain akan memberikan kerjasama serta sokongan," katanya.

Beliau berharap penyelidikan tiga tahun itu akan dapat menghimpun maklumat lengkap bagi memperbetulkan pandangan bangsa Eropah mengenai Islam.

(END) Source : Berita Harian